

**Polis: Keadaan di semua pusat pengundian terkawal
Malaysiakini.com
April 25, 2010**

Pilihan raya kecil bagi kerusi parlimen Hulu Selangor berjalan lancar sehingga kini, kata Ketua Polis Selangor Datuk Khalid Abu Bakar.

Beliau berkata tidak ada laporan gangguan dan kekacauan diterima sejak pusat pengundian dibuka pada pukul 8 pagi tadi.

"Tiada masalah dan gangguan, sepanjang tempoh dua jam ini anggota polis turut membantu warga emas bergerak menunaikan tanggungjawab mereka sebagai pengundi," katanya kepada Bernama.

Sementara itu tinjauan Bernama di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batang Kali dan SMK Ampang Pecah mendapati pemilih berdaftar sudah mula membanjiri pusat pengundian itu sebelum ianya dibuka.

Tidak ketinggalan seorang pemilih lelaki yang sanggup keluar daripada hospital buat sementara semata-mata untuk mengundi.

"Tidak ada masalah untuk datang pagi-pagi kerana orang tak ramai. Senang nak buang undi," kata Ahadon Omar, 47, yang memberitahu dia masih lagi dirawat di hospital berdekatan kerana menghidap asma.

Bagi Along Molak, 56, dari suku kaum Temuan di Kampung Tamo Batang Kali berkata dia lega dapat mengundi dalam keadaan aman dan selamat tanpa sebarang gangguan.

"Lega boleh pulang awal dan meneruskan kerja seperti biasa," katanya yang bekerja sendiri.

- Bernama